

## **PENGHURAIAN KERJA PERKHIDMATAN PEMBANTU JURUAUDIT**

### **1. SKIM PERKHIDMATAN**

Pembantu Juruaudit Gred W1, W2, W3, W4.

### **2. PERINGKAT ORGANISASI**

Jabatan Audit Negara/ Agensi Kerajaan.

### **3. RINGKASAN TUGAS**

Bertanggungjawab menjalankan pengauditan secara profesional, mengesahkan penyata kewangan, mengeluarkan sijil audit dan laporan berkaitannya, menyediakan laporan audit yang berkualiti, *timely* dan seimbang, menguruskan aktiviti pengauditan dengan cekap dan berkesan serta memberi khidmat nasihat, memenuhi keperluan dan harapan *stakeholders*.

### **4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS**

#### **4.1 Pembantu Juruaudit Gred W1**

- a. Menjalankan pengauditan prestasi/ agensi mengikut rancangan dan program audit yang telah diluluskan.
- b. Menyediakan kertas kerja dan pemerhatian audit berkaitan terhadapnya serta mengambil tindakan susulan.
- c. Menjalankan pengauditan kewangan (interim dan akhir) bagi agensi yang diaudit.
- d. Menyediakan kertas kerja pengauditan interim dan akhir yang berkaitan dengan tugas dan menyediakan pemerhatian audit yang berkaitan.

#### **4.2 Pembantu Juruaudit Gred W2**

- a. Membantu dalam melaksanakan pengauditan interim iaitu pengauditan yang dijalankan terhadap perbelanjaan KWSP (agensi yang diaudit) secara bulanan dan membuat analisis belanjawan dengan perbelanjaan sebenar.

- b. Membantu menjalankan pengauditan akhir dijalankan ke atas Penyata Kewangan yang meliputi akaun seperti Akaun Pembiutang yang terdiri daripada belanja terakru dan pelbagai pembiutang, baki bank dan wang tunai bagi akaun perbelanjaan termasuk menyemak Penyata Penyesuaian bagi akaun perbelanjaan iaitu Public Bank Berhad dan Maybank Berhad.
- c. Pengesahan terhadap transaksi perbelanjaan di Lejar Am dan Timbang Duga.
- d. Menyediakan kertas kerja untuk penyata kewangan.
- e. Menyediakan pemerhatian audit dan tindakan susulan ke atasnya.

#### **4.3 Pembantu Juruaudit Gred W3**

- a. Membantu dalam melaksanakan Pengauditan Interim termasuk menjalankan ujian *walk-trough* ke atas sistem pengeluaran, mengaudit akaun pengeluaran mengikut akaun (Pengeluaran Akaun I, Pengeluaran Akaun II, Pengeluaran Akaun III).
- b. Melakukan pengeluaran penuh (Pengeluaran Meninggalkan Negara, Skim Bayaran Bulanan, Bayaran Berkala dan Pelaburan Ahli).
- c. Melakukan Pengauditan Akhir termasuk Akaun Caruman Ahli (dividen dikredit/ dibayar kepada ahli), Penyesuaian Bank Akaun Pengeluaran, Akaun Waran Yang Luput dan Akaun *Withdrawal Overpayment*.
- d. Menyediakan kertas kerja bagi Penyata Kewangan dan pemerhatian audit dan susulan.

### **5. HUBUNGAN KERJA**

#### **Dalaman**

- a. Pengurusan Tertinggi.
- b. 13 Cawangan dalam Sektor Audit Persekutuan.
- c. Seksyen/ cawangan dari tiga (3) sektor audit yang lain (Sektor Badan Berkanun Persekutuan, sektor korporat dan sektor negeri serta cawangan di 13 Negeri).

## **Luaran**

- a. Semua Kementerian/ Jabatan di peringkat Persekutuan dan negeri, semua agensi/ Badan Berkanun, semua Kerajaan Tempatan dan individu yang berurusan.
- b. Institusi Pengajian Tinggi dalam dan luar negara.
- c. Pertubuhan/ Persatuan dalam dan luar negara.

## **6. PERSEKITARAN KERJA**

- a. Dalam dan luar pejabat.
- b. Dalam negara dan luar negara.

## **7. KEBOLEHAN YANG DIUTAMAKAN (PENGETAHUAN/ KEMAHIRAN)**

- a. Berpengetahuan luas dalam bidang perakaunan dan pengauditan serta prosedur pengurusan kewangan.
- b. Berkemahiran dalam bidang komputer.
- c. Berkebolehan dalam bidang undang-undang dan peraturan kewangan serta standard-standard perakaunan dan standard pengauditan yang diterima umum.
- d. Berkebolehan menganalisa penyata-penyata dan laporan kewangan.
- e. Berkebolehan berkomunikasi secara lisan dan bertulis sama ada di dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.
- f. Berkebolehan memberikan pendapat secara profesional mengenai pemerhatian audit yang dibangkitkan serta dapat memberi syor untuk penambahan agensi yang diaudit.

## **8. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN**

- a. Keutuhan.
- b. Kebebasan.
- c. Keadilan.
- d. Keyakinan.

- e. Kecekapan.
- f. Berkebolehan mengesan elemen-elemen penyelewengan di dalam pengurusan kewangan.

## **9. ANCAMAN/ BAHAYA**

- a. Boleh diambil tindakan undang-undang (mahkamah).
- b. Tekanan (*stress*).
- c. Risiko diugut.
- d. Terdedah kepada pengaruh mana-mana badan/ individu atau kepentingan peribadi.

Sumber : Emel daripada Jabatan Audit Negara bertarikh 3 Julai 2006.